

Tahap Kesedaran dan Persepsi Mahasiswa-Mahasiswi Universiti Kebangsaan Malaysia UKM berkenaan Kepentingan Belt and Road Initiative (BRI) terhadap Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)

*(Level of Awareness and Perception of Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Students regarding the Importance of the Belt and Road Initiative (BRI) to Small and Medium Enterprises (SMEs))*

DIANA CHANG & MUSTAZAR MANSUR\*

ABSTRAK

Belt and Road Initiative (BRI) bertujuan untuk menghubungkan Asia dengan Afrika dan Eropah melalui rangkaian darat dan maritim dengan tujuan untuk meningkatkan integrasi serantau, meningkatkan perdagangan dan merangsang pertumbuhan ekonomi. Inisiatif ini mempunyai banyak kebaikan antaranya seperti meningkatkan pertumbuhan ekonomi di antara negara-negara yang sama-sama terlibat. Belt and Road Initiative (BRI) dapat membantu mengurangkan kos dan pemindahan teknologi melalui laluan darat dan maritim yang diwujudkan di bawah inisiatif ini. Inisiatif ini akan dapat membantu negara-negara terlibat terutamanya negara Asia contohnya negara Malaysia. Sedar atau tidak, Belt and Road Initiative (BRI) mampu memberikan pelbagai kebaikan dan kepentingan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dalam negara kita. Dengan adanya Belt and Road Initiative (BRI), Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) negara kita mempunyai potensi yang besar dalam memajukan pertumbuhan ekonomi negara. Kajian ini telah dijalankan untuk mengetahui tahap pengetahuan dan persepsi mahasiswa-mahasiswi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berkenaan kepentingan Belt and Road Initiative (BRI) kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Tujuan dan persoalan kajian ini juga untuk mengetahui tahap pengenalan mahasiswa-mahasiswi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berkenaan Belt and Road Initiative (BRI), tahap pengetahuan mahasiswa-mahasiswi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berkenaan sejarah Belt and Road Initiative (BRI) dan tahap pengetahuan mahasiswa-mahasiswi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berkenaan objektif Belt and Road Initiative (BRI). Dengan ini, persampelan kajian ini telah diperolehi melalui 150 orang responden yang merupakan pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Kata Kunci: pengetahuan, persepsi, Belt and Road Initiative (BRI), Mahasiswa-mahasiswi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)

ABSTRACT

*The Belt and Road Initiative (BRI) aims to connect Asia with Africa and Europe through land and maritime networks with the aim of increasing regional integration, increasing trade and stimulating economic growth. This initiative has many benefits including increasing economic growth among the countries involved together. The Belt and Road Initiative (BRI) can help reduce costs and transfer technology through land and maritime routes created under this initiative. This initiative will be able to help the countries involved, especially Asian countries such as Malaysia. Consciously or not, the Belt and Road Initiative (BRI) is able to provide various benefits for Small and Medium Enterprises (SMEs) in our country. With the existence of the Belt and Road Initiative (BRI), our country's Small and Medium Enterprises (SMEs) have great potential in advancing our country's economic growth. This study was conducted to find out the level of awareness and perception of the National University of Malaysia (UKM) students regarding the importance of the Belt and Road Initiative (BRI) to Small and Medium Enterprises (SMEs). The purpose and question of this study is also to find out the level of introduction of the National University of Malaysia (UKM) students regarding the Belt and Road Initiative (BRI), the level of National University of Malaysia (UKM) student's knowledge regarding the history of the Belt and Road Initiative (BRI) and the level of the knowledge of National University of Malaysia (UKM) students regarding the objectives of the Belt and Road Initiative (BRI). With this, the sampling of this study has been obtained through a total of 150 respondents who are students of National University of Malaysia (UKM).*

Keyword: awareness, perception, Belt and Road Initiative (BRI), students, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Small and Medium Enterprises (SMEs)

## PENGENALAN

### Latar Belakang Kajian

Belt and Road Initiative (BRI) merupakan sebuah program yang diperkenalkan oleh Presiden Tiongkok Xi Jinping pada 2013 dengan nama One Belt One Road (OBOR). Program ini adalah rancangan besar pemerintah Tiongkok untuk menghidupkan kembali kejayaan Jalur Sutra (Silk Road) di abad ke-21. Strategi ini melibatkan pelaburan dan pembangunan infrastruktur besar-besaran di 152 negara yang tersebar di Eropah, Asia, Timur Tengah, Amerika Latin, dan Afrika. Kata belt atau sabuk di sini merujuk kepada jalur darat iaitu jalan dan rel kereta yang juga disebut sebagai Sabuk Ekonomi Jalur Sutra. Manakala road lebih merujuk pada jalur laut atau Jalur Sutra Maritim di Abad ke-21.

Setelah lebih sedekad sejak projek Inisiatif Jalur dan Jalan (BRI) pertama China dilancarkan di Malaysia, walaupun terdapat gelombang perjanjian projek mega yang ditandatangani dalam tempoh lima tahun pertama, banyak inisiatif yang telah terhenti ataupun dibatalkan. Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) merupakan salah satu daripada beberapa projek BRI yang masih ada, yang dijanjikan oleh Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, akan disambung semula dan disiapkan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12. Berikutan penggantungan projek rel bernilai 50 bilion Ringgit Malaysia (RM11.9 bilion) oleh Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad yang menghubungkan pantai timur dan barat semenanjung Malaysia pada 2018, projek ini kemudiannya tertakluk kepada rundingan semula dan perubahan berulang kali.

Belt and Road Initiative (BRI) mempunyai pelbagai manfaat. Salah satu yang paling jelas ialah peningkatan kapasiti untuk perdagangan. Dengan infrastruktur yang lebih dipercayai untuk trek komersial dan perindustrian, kereta api dan bot dari semua saiz, perniagaan dan kerajaan tidak perlu mengehendak perjanjian perdagangan mereka kerana kekurangan laluan perdagangan. Sebaliknya, kerajaan boleh memberi tumpuan untuk mencapai tawaran yang betul untuk mencapai matlamat operasi perniagaan. Ini menunjukkan bahawa dengan pembinaan projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), Malaysia dapat meningkatkan perdagangan negara dan membolehkan pendapatan negara meningkat. Di samping itu, pembinaan Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) juga mampu membantu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Malaysia.

Pembinaan Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) akan menambahbaikkan rantaian bekalan. Pembinaan

Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) melalui Belt and Road Initiative (BRI) akan menjadikannya lebih mudah untuk mengangkut bahan mentah yang kemudiannya digunakan untuk menghasilkan produk siap untuk kegunaan industri dan komersial, serta untuk pengguna individu. Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) akan membolehkan harga barangan mentah menurun disebabkan harga pengangkutan menggunakan Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) adalah lebih rendah berbanding harga pengangkutan dengan menggunakan laluan udara dan laut. Keadaan ini akan membolehkan kos Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) menurun dan keuntungan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) akan meningkat.

Selain itu, pembinaan Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) turut membolehkan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) membuka pasaran baharu di luar negara. Hal ini demikian kerana Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) memberi peluang kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) untuk mengeksport produk buatan mereka ke luar negara. Laluan Rel Pantai Timur akan menyebabkan kos eksport barangan menurun yang kemudiannya menyebabkan harga barangan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) menurun yang akan meningkatkan permintaan eksport kerana harga barangan yang murah. Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) akan mampu membantu menurunkan kos pengangkutan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) lebih-lebih lagi sekiranya berlaku lagi krisis seperti pandemik Covid-19 di masa akan datang. Menurut Ketua Pegawai Operasi Mory-Tnte Mondial Express Sdn Bhd, N Thaswin berkata, sebuah kontena sepanjang 40 kaki yang akan dihantar ke Amerika Syarikat (AS) sebelum Covid-19 akan berada dalam julat AS\$3,000 hingga AS\$4,000 (kira-kira RM12,700 hingga RM16,935) satu kontena tetapi kontena yang sama kini berharga AS\$22,000 hingga AS\$23,000 (kira-kira RM93,143 hingga RM97,377).

Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) merupakan antara tonggak yang menyumbang kepada ekonomi Malaysia. Berdasarkan Ucapan Bajet Tahun 2017 oleh Perdana Menteri pada ketika itu iaitu Datuk Seri Najib Razak mengatakan kerajaan sudah mengisytiharkan 2017 sebagai Tahun Startup & Promotion (Tahun permulaan dan promosi) sesuai dengan peranan PKS yang menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan ekonomi dan pasaran buruh negara. Pernyataan ini jelas menunjukkan bahawa Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) memainkan peranan yang penting dalam pertumbuhan ekonomi. Justeru itu, pembinaan Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) melalui Belt and Road Initiative (BRI) akan membantu perkembangan Perusahaan Kecil dan

Sederhana (PKS) dan adalah penting untuk pengusaha-pengusaha PKS dalam Malaysia untuk mengetahui kepentingan BRI.

Secara kesimpulannya, kajian ini akan membincangkan tahap kesedaran mahasiswa-mahasiswi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berkenaan kepentingan Belt and Road Initiative (BRI) kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji tahap kesedaran dan persepsi mahasiswa-mahasiswi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berkenaan kepentingan Belt and Road Initiative (BRI) terhadap Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Pengkaji akan menggunakan pendekatan kaedah kuantitatif melalui instrumen Google forms. Dapatan daripada Google Forms seterusnya akan dianalisis menggunakan frekuensi analisis deskriptif dengan menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS). Akhir sekali, pengkaji akan menerangkan tahap kesedaran dan persepsi mahasiswa-mahasiswi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berkenaan kepentingan Belt and Road Initiative (BRI) kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

#### Persoalan Kajian

- i. Adakah responden mengenali Belt and Road Initiative (BRI).
- ii. Adakah responden mengetahui sejarah Belt and Road Initiative (BRI).
- iii. Adakah responden mengetahui objektif Belt and Road Initiative (BRI).
- iv. Adakah responden sedar akan kepentingan Belt and Road Initiative (BRI) kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

#### Objektif Kajian

- i. Untuk mengenalpasti tahap pengenalan responden berkenaan Belt and Road Initiative (BRI).
- ii. Untuk mengenalpasti tahap pengetahuan responden berkenaan sejarah Belt and Road Initiative (BRI).
- iii. Untuk mengenalpasti tahap pengetahuan responden berkenaan objektif Belt and Road Initiative (BRI).
- iv. Untuk mengenalpasti tahap pengetahuan responden berkenaan kepentingan Belt and Road Initiative (BRI) kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

#### Kajian Literatur

##### Belt And Road Initiative (BRI)

Belt and Road Initiative (BRI) merupakan sebuah program yang diperkenalkan oleh Presiden Tiongkok Xi Jinping pada 2013 dengan nama One Belt One Road (OBOR). (Jiang, 1997) "Chinese Dream" merupakan visi di mana ia adalah idea Xi Jinping menggalakkan kemakmuran dan kestabilan di rantau Asia Pasifik yang menjadi teras kepada idea Belt and Road Initiative (BRI). Sebanyak enam puluh lima buah negara telah menyertai Belt and Road Initiative (BRI) (Chua, 2017). Selain itu, Belt and Road Initiative (BRI) mempunyai sembilan ratus projek dengan jumlah pelaburan sebanyak 850 bilion dollar (Chua, 2017). Belt and Road Initiative (BRI) merupakan strategi mega baharu yang terdiri daripada dua bentuk kerjasama iaitu daratan dan maritim (Zhao Hong, 2015; Fallon, 2015; Bambang Irawan, 2016; Pieterse, 2016; Evers, 2017; Abdul Rahman, 2017). Mereka juga mendakwa, kerjasama ini difokuskan kepada rantau Asia Tenggara khususnya dalam projek Laluan Sutura Baharu Maritim. Silk Belt Ekonomi Road dan 21st Century Maritime Silk Road merupakan dua projek utama di bawah Belt and Road Initiative (BRI). Silk Belt Ekonomi Road menghubungkan tiga laluan utama contohnya China ke Eropah, Teluk Parsi, Mediterranean dan Lautan Hindi, manakala 21st Century Maritime Silk Road adalah berdasarkan kepada laluan laut di kalangan negara anggota inisiatif OBOR (Du, 2016).

##### Belt And Road Initiative (BRI) Dalam Malaysia

ASEAN menyambut baik gagasan Belt and Road Initiative (BRI) oleh China yang dilancarkan Xi Jinping pada tahun 2013 di Astana, Khazakhstan dan Jakarta, Indonesia sebagai mengambil intipati sejarah Jalan Sutura Klasik (Billington, 2015; Fallon, 2015; Munir, 2017). Malaysia merupakan negara Asia Tenggara pertama yang menjalin hubungan diplomatik dengan China dan Malaysia telah menetapkan langkah dan peluang untuk Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) bekerjasama dengan China (Joseph, 2000). Kenyataan rasmi oleh Ong Ka Chuan iaitu Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia meyakinkan Belt and Road Initiative (BRI) memberi peluang kepada Malaysia dan akan terlibat secara aktif dengan China dalam pasaran besar ini untuk manfaat rakyatnya (Huaxia, 2016). Malaysia dan China telah mengaut faedah awal pelaburan ekonomi melalui pelaksanaan Belt and Road Initiative (BRI) dan berikrar untuk membina perkongsian strategik menyeluruh yang lebih kukuh dari segi perdagangan, kewangan,



pertahanan tentera, pelabuan pembangunan, serta rantaian bekalan dan logistik (Teo, 2019).

### Belt And Road Initiative (BRI) Terhadap Perusahaan Kecil Dan Sederhana (PKS)

Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) mempunyai jualan tahunan tidak melebihi RM50 juta atau pekerja sepenuh masa tidak melebihi 200 orang untuk sektor pembuatan manakala jualan tahunan tidak melebihi RM20 juta atau pekerja sepenuh masa tidak melebihi 75 orang untuk sektor perkhidmatan dan sektor lain. PKS menyumbang 97.3% atau 645,136 daripada jumlah keseluruhan penubuhan perniagaan pada tahun 2010 (SME Corporation Malaysia, 2017). Majoriti PKS tertumpu dalam sektor perkhidmatan dengan 90% atau 580,985 pertubuhan dan diikuti oleh 6% (atau 37,861 pertubuhan) dalam sektor pembuatan. Peningkatan pertumbuhan PKS daripada 21,331 pada tahun 2011 kepada 39,158 pada tahun 2016 dalam sektor pembinaan mewakili bahagian yang lebih besar daripada jumlah keseluruhan PKS dan semua pertubuhan perniagaan (Todd and Slattery, 2018). Iskandar Waterfront Holdings menyatakan bandar Malaysia boleh menjadi platform bagi syarikat-syarikat China yang bercita-cita untuk memasuki Malaysia serta pasaran Asia Tenggara yang lebih luas (Ng and Lim, 2017). Selain itu, menurut Ng dan Lim, Iskandar Waterfront Holdings juga menyatakan bahawa firma-firma Malaysia, terutamanya Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), mendapat faedah daripada kemasukan potensi modal dan teknologi China. Belt and Road Initiative (BRI) dijangka dapat membantu perkembangan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Justeru itu, adalah penting untuk rakyat Malaysia mengetahui kepentingan Belt and Road Initiative terhadap PKS. Kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji sejauh mana kesedaran dan persepsi mahasiswa-mahasiswi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berkenaan kepentingan BRI kepada PKS.

## METODOLOGI KAJIAN

### Definisi Metodologi Kajian

Metodologi kajian merupakan kaedah dan teknik mereka-bentuk, mengumpul dan menganalisis data supaya dapat menghasilkan bukti yang boleh menyokong sesuatu kajian. Metodologi kajian merujuk kepada kaedah yang paling sesuai untuk menjalankan penyelidikan dan menentukan tatacara yang efektif bagi menjawab permasalahan kajian. Bahagian metodologi

akan membolehkan pembaca menilai secara kritikal kesahan dan kebolehpercayaan keseluruhan kajian. Terdapat dua soalan utama yang bakal dijawab dalam bahagian metodologi kajian, iaitu bagaimana data dikumpulkan atau dihasilkan dan bagaimana data dianalisis.

### Cara Pengumpulan Data

Pertama sekali, pengkaji akan menggunakan kaedah soal selidik dengan menggunakan Google Form. Kajian ini menggunakan kaedah soal-selidik sebagai cara pengumpulan data secara kuantitatif. Seterusnya, pengkaji akan mempersembahkan data yang diperolehi melalui soal selidik dalam bentuk jadual statistik dengan menggunakan perisian Microsoft Excel dan SPSS. Pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia merupakan sumber data utama pengkaji dalam kajian ini.

### Persampelan Responden

Responden dalam kajian ini merupakan pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Ciri-ciri responden iaitu demografi responden (umur, jantina, bangsa, agama, status perkahwinan dan fakulti), pengenalan responden berkenaan Belt and Road Initiative (BRI), sumber informasi Belt and Road Initiative (BRI), pengetahuan responden berkenaan sejarah Belt and Road Initiative (BRI), pengetahuan responden berkenaan objektif Belt and Road Initiative (BRI) dan kesedaran kepentingan Belt and Road Initiative (BRI) terhadap Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) akan dianalisis. Soal selidik menggunakan saluran Google Form adalah untuk mendapatkan persepsi responden terhadap kepentingan Belt and Road Initiative (BRI) kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Soal selidik akan diedarkan dan dijawab oleh 150 orang responden pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) secara rawak. Kajian ini membahagikan kumpulan responden berdasarkan umur, jantina, bangsa, agama, status perkahwinan dan fakulti untuk mengkaji kesan pemboleh ubah demografi. Fakulti Ekonomi dan Pengurusan (FEP), Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat (FTSM), Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina (FKAB), Fakulti Pendidikan (FPend), Fakulti Sains dan Teknologi (FST), Fakulti Sains Sosial dan Kemasyarakatan (FSSK), Fakulti Undang-undang (FUU) dan Fakulti Pengajian Islam (FPI) merupakan fakulti yang akan diwakili oleh responden.

### Skala Penilaian

Skala penilaian terdiri daripada 5 mata untuk semua pernyataan iaitu mulai dari "sangat tidak setuju (1)",

"tidak setuju (2)", "tidak pasti (3)", "setuju (4)" dan "sangat setuju (5)". Skala-skala ini akan menunjukkan tahap persetujuan responden terhadap pernyataan yang dikemukakan. Kaedah persampelan kemudahan digunakan kepada responden atas sebab faktor ketepatan dan kesesuaian.

#### Organisasi Kajian

Kajian ini mempunyai 5 bahagian iaitu bermula dengan pendahuluan, kajian lepas, metodologi kajian, hasil dapatan kajian dan akhir sekali kesimpulan. Dalam bahagian pengenalan, pengkaji menceritakan sejarah Belt and Road Initiative (BRI) dan kepentingan Belt and Road Initiative (BRI) terhadap Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

Selain itu, dalam bahagian kajian lepas, pengkaji membincangkan tentang perkembangan Belt and Road Initiative (BRI), Belt and Road Initiative (BRI) dalam Malaysia dan Belt and Road Initiative (BRI) terhadap Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Dalam bahagian ini, pengkaji mengkaji kajian-kajian lepas jurnal untuk mengkaji perkembangan Belt and Road Initiative (BRI) dan perkembangan Belt and Road Initiative (BRI) terhadap Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

Seterusnya ialah bahagian metodologi kajian iaitu bahagian di mana pengkaji akan menceritakan kaedah-kaedah yang bakal digunakan oleh pengkaji untuk menjayakan kajian ini. Kaedah yang digunakan adalah kaedah kuantitatif menggunakan borang soal selidik melalui saluran Google Form dan mempersembahkan data menggunakan perisian Microsoft Excel dan SPSS.

Hasil dapatan kajian pula akan membincangkan maklumat-maklumat dan data yang diperolehi daripada soal selidik. Bahagian ini akan menjelaskan hasil yang diperolehi daripada data-data. Dalam bahagian ini, pengkaji akan mengetahui tahap kesedaran dan persepsi mahasiswa-mahasiswi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berkenaan kepentingan Belt and Road Initiative (BRI) terhadap Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

Akhir sekali, bahagian kesimpulan merupakan penutup kepada kajian ini. Kajian ini akan menjadi sumbangan kepada penyelidikan di mana kajian ini dapat menentukan tahap kesedaran dan persepsi mahasiswa-mahasiswi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berkenaan kepentingan Belt and Road Initiative (BRI) terhadap Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Selain itu, pengkaji juga akan menyatakan batasan dalam kajian ini dan memberi cadangan untuk menambahbaikkan batasan untuk kajian yang berkaitan pada masa akan datang.

#### Analisis Deskriptif

Data-data yang diperolehi melalui hasil soal selidik akan dianalisis menggunakan Statistical Package for Social Science (SPSS). Jadual digunakan untuk menunjukkan min, peratusan dan tafsiran untuk maklumat tahap pengetahuan mahasiswa-mahasiswi UKM berkenaan sejarah BRI, objektif BRI dan kepentingan Belt and Road Initiative (BRI) terhadap Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

Jadual 1 di bawah menunjukkan skor min dan tafsiran.

JADUAL 1. Skor min dan tafsiran

| Min       | Persepsi               |
|-----------|------------------------|
| 1.00-1.80 | Sangat Tidak Bersetuju |
| 1.81-2.60 | Tidak Bersetuju        |
| 2.61-3.20 | Tidak Pasti            |
| 3.21-4.20 | Setuju                 |
| 4.21-5.00 | Sangat Setuju          |

Sumber daripada Moidunny (2009)


Kesahan Dan Keandalan (Validity And Reliability) aras 0.7 yang ditetapkan.

Sesuatu ujian yang baik mempunyai kesahan dan keandalan yang tinggi. (Cohen et al. 2000; Bogden & Milken 2003; Sekaran & Bougie 2010) menyatakan kebanyakan pengkaji mencadangkan bahawa nilai pekali alfa yang melebihi 0.8 lazimnya menunjukkan aras kebolehpercayaan yang tinggi. Namun, terdapat pengkaji yang menerima nilai pekali pada aras 0.7 (Nunally 1978; Robinson et al. 1991; DeVellis 2003). Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan Alpha Cronbach melalui SPSS untuk mencari dan menentukan kebolehpercayaan sesuatu data. Nilai Alpha Cronbach dalam kajian ini adalah sebanyak 0.789 iaitu melebihi

HASIL DAPATAN KAJIAN

Analisis Demografi Responden

Gambar rajah di bawah merupakan graf bar di mana graf bar berikut merujuk kepada demografi responden yang menjawab kajian soal selidik pengkaji dalam bentuk frekuensi bilangan responden mengikut umur, jantina, bangsa, agama, status perkahwinan dan fakulti.



RAJAH 1. Bilangan Responden Mengikut Umur




RAJAH 2. Bilangan Responden Mengikut Jantina

Soal selidik dalam bentuk Google Forms ini telah diberikan dan dijawab oleh responden sebanyak 150 orang. Dalam kajian ini, kebanyakan responden


adalah mereka yang berumur 21 hingga 23 tahun (109 orang) diikuti oleh mereka yang berumur 18 hingga 20 tahun (30 orang) kemudian mereka yang berumur

24 hingga 26 tahun (11 orang). Tiada responden bagi mereka yang berumur 27 hingga 29 tahun (0 orang) dan mereka yang berumur 30 tahun ke atas (0 orang).

Bagi kategori jantina pula, kebanyakan mereka adalah perempuan berbanding lelaki iaitu sebanyak 86 orang responden perempuan dan 64 orang responden lelaki.




RAJAH 3. Bilangan Responden Mengikut Bangsa




RAJAH 4. Bilangan Responden Mengikut Agama

Berdasarkan gambar rajah graf bar di atas, jelas bahawa bilangan responden yang paling tinggi adalah mereka yang berbangsa Cina (78 orang). Sebanyak 51 orang responden adalah mereka yang berbangsa Melayu. Seramai 19 orang responden ialah mereka yang berbangsa India. Seterusnya, 2 orang responden pula merupakan mereka yang berbangsa Bumiputera manakala tiada responden bagi mereka yang berbangsa

lain-lain. Responden yang beragama Buddha adalah sebanyak 70 orang yang tertinggi bagi kategori agama yang menjawab soal selidik pengkaji. Seterusnya ialah mereka yang beragama Islam (51 orang) diikuti responden yang beragama Hindu sebanyak 19 orang. Responden yang beragama Kristian pula adalah seramai 10 orang namun tiada responden bagi mereka yang lain-lain agama.



RAJAH 5. Bilangan Responden Mengikut Status Perkahwinan



RAJAH 6. Bilangan Responden Mengikut Fakulti

Semua responden iaitu sebanyak 150 orang adalah berstatus bujang. Responden dalam kajian ini adalah daripada Fakulti Ekonomi dan Pengurusan (FEP), Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat (FTSM), Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina (FKAB), Fakulti Pendidikan (FPend), Fakulti Sains dan Teknologi (FST), Fakulti Sains Sosial dan Kemasyarakatan (FSSK), Fakulti Undang-undang (FUU) dan Fakulti Pengajian Islam (FPI). Sebilangan besar responden yang menjawab soal selidik kajian ialah daripada Fakulti Ekonomi dan Pengurusan (FEP), iaitu seramai 82 orang. Mereka yang dari Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina (FKAB) adalah seramai 19 orang dan seramai 17 orang responden adalah daripada Fakulti Sains dan Teknologi Maklumat (FTSM). Responden daripada Fakulti Sains Sosial dan Kemasyarakatan

(FSSK) adalah seramai 9 orang diikuti oleh responden dari Fakulti Sains dan Teknologi (FST), seramai 8 orang. Seterusnya ialah 6 orang responden dari Fakulti Undang-undang (FUU) kemudiannya diikuti oleh 5 orang responden dari Fakulti Pendidikan (Fpend) dan akhir sekali 4 orang responden dari Fakulti Pengajian Islam (FPI).

#### Analisis Pengenalan Responden Berkenaan Belt And Road Initiative (BRI)

Gambar rajah berikut merupakan carta pai yang menunjukkan pengenalan responden berkenaan Belt and Road Initiative (BRI) dalam bentuk peratusan bagi soalan 1 dan 2 dalam bahagian ini.






RAJAH 7. Adakah Anda Mengenali Belt and Road Initiative (BRI)?

Soalan pertama dalam analisis pengenalan responden berkenaan Belt and Road Initiative (BRI) ialah “adakah anda mengenali Belt and Road Initiative (BRI)”. Daripada seramai 150 orang responden yang telah menjawab borang soal selidik pengkaji, seramai 135 orang responden iaitu 90% yang menjawab “ya” iaitu mereka mengenali Belt and Road Initiative. Akan

tetapi, terdapat seramai 15 orang responden yang terdiri daripada 10% responden telah menjawab “tidak” iaitu mereka tidak mengenali Belt and Road Initiative (BRI). Memandangkan hanya 135 orang responden yang mengenali Belt and Road Initiative, soalan berikutnya dan bahagian-bahagian seterusnya hanya akan dijawab oleh 135 orang responden yang menjawab “ya”.



RAJAH 8. Sumber Informasi Belt and Road Initiative (BRI)

Soalan kedua ialah “sumber informasi Belt and Road Initiative (BRI)”. Seramai 89 orang responden iaitu 66% daripada 135 orang telah menjawab “lain-lain (khususnya daripada sumber internet seperti laman sesawang, blog-blog ataupun artikel)” untuk sumber informasi Belt and Road Initiative (BRI). Seramai 23 orang responden (17%) pula telah memilih jawapan “televisyen” untuk sumber informasi Belt and Road

Initiative (BRI). Seramai 17 orang responden yang mempunyai peratusan sebanyak 13% memperoleh sumber informasi Belt and Road Initiative (BRI) dari sumber “surat khabar”. Sumber dari “radio” pula mempunyai bilangan responden seramai 4% iaitu seramai 6 orang. Tiada responden daripada seramai 135 orang responden yang memperoleh sumber informasi Belt and Road Initiative (BRI) dari sumber “rakan/ahli

keluarga/saudara-mara”.

### Analisis Pengetahuan Responden Berkenaan Sejarah Belt And Road Initiative (BRI)

Jadual 2 di bawah menunjukkan hasil daripada borang

soal selidik berkaitan dengan pengetahuan responden berkenaan sejarah Belt and Road Initiative (BRI). Tujuan analisis di bahagian ini adalah untuk mengetahui tahap pengetahuan responden berkenaan dengan sejarah Belt and Road Initiative (BRI). Bahagian ini telah dijawab oleh seramai 135 orang responden.

JADUAL 2. Pengetahuan Responden Berkenaan Sejarah Belt and Road Initiative (BRI)

| Soalan   | Sangat Tidak Setuju | Tidak Setuju | Tidak Pasti | Setuju | Sangat Setuju | Min  | Persepsi      |
|--|---------------------|--------------|-------------|--------|---------------|------|---------------|
| Inisiatif Belt and Road (BRI) dilancarkan pada 2013 oleh Presiden Xi Jinping.  | 0                   | 0            | 3           | 9      | 123           | 4.89 | Sangat Setuju |
| Inisiatif Belt and Road (BRI) turut dikenali sebagai One Belt One Road (OBOR) merupakan strategi pembangunan infrastruktur global.   | 0                   | 0            | 19          | 38     | 78            | 4.44 | Sangat Setuju |
| Inisiatif Belt and Road (BRI) melibatkan pelaburan dan pembangunan infrastruktur besar-besaran di 152 negara yang tersebar di Eropah, Asia, Timur Tengah, Amerika Latin, dan Afrika. | 0                   | 0            | 21          | 37     | 77            | 4.41 | Sangat Setuju |

Berdasarkan hasil daripada soal selidik yang dijawab oleh pelajar UKM, terdapat seramai 123 orang responden yang terdiri daripada 135 orang yang sangat setuju bahawa Belt and Road Initiative (BRI) dilancarkan pada 2013 oleh Presiden Xi Jinping. Sebanyak 9 orang responden pula menjawab “setuju” dan 3 orang responden menjawab “tidak pasti” yang Belt and Road Initiative (BRI) dilancarkan pada 2013 oleh Presiden Xi Jinping manakala tiada responden yang menjawab “tidak setuju” dan “sangat tidak setuju”.

Bagi pernyataan “Inisiatif Belt and Road (BRI) turut dikenali sebagai One Belt One Road (OBOR) merupakan strategi pembangunan infrastruktur global”, seramai 78 orang responden memilih jawapan “sangat setuju” diikuti oleh seramai 38 orang responden yang telah memilih jawapan “setuju”. Seramai 19 orang responden daripada 135 orang responden pula menjawab “tidak pasti” bagi pernyataan “Inisiatif Belt and Road (BRI) turut dikenali sebagai One Belt One Road (OBOR) merupakan strategi pembangunan infrastruktur global”. Akan tetapi, tiada responden

yang memilih jawapan “tidak setuju” dan “sangat tidak setuju” untuk pernyataan ini.

Seterusnya ialah pernyataan “Inisiatif Belt and Road (BRI) melibatkan pelaburan dan pembangunan infrastruktur besar-besaran di 152 negara yang tersebar di Eropah, Asia, Timur Tengah, Amerika Latin, dan Afrika”. Dalam pernyataan ini, lebih separuh iaitu seramai 77 orang responden daripada 135 orang responden yang sangat setuju dengan pernyataan ini. Selebihnya seramai 37 orang responden setuju dengan pernyataan yang dinyatakan dan diikuti oleh seramai 21 orang responden yang tidak pasti. Tiada responden yang tidak setuju mahupun sangat tidak setuju untuk pernyataan yang dinyatakan ini.

### Analisis Pengetahuan Responden Berkenaan Objektif Belt And Road Initiative (BRI)

Bahagian dalam jadual 3 ini membincangkan pengetahuan responden berkenaan dengan objektif Belt and Road Initiative (BRI). Hasil daripada analisis

ini bertujuan bagi mengetahui sebanyak manakah responden iaitu pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mengetahui objektif-objektif Belt and Road

Initiative (BRI). Seramai 135 jawapan yang diperolehi dalam bahagian ini.

JADUAL 3. Pengetahuan Responden Berkenaan Objektif Belt and Road Initiative (BRI)

| Soalan   | Sangat Tidak Setuju | Tidak Setuju | Tidak Pasti | Setuju | Sangat Setuju | Min  | Persepsi      |
|--|---------------------|--------------|-------------|--------|---------------|------|---------------|
| Inisiatif Belt and Road (BRI) membina pasaran besar yang bersatu dan menggunakan sepenuhnya pasaran antarabangsa dan domestik. | 0                   | 1            | 4           | 33     | 97            | 4.67 | Sangat Setuju |
| Belt and Road Initiative (BRI) membolehkan pertukaran budaya dan integrasi.  | 0                   | 3            | 25          | 55     | 52            | 4.16 | Setuju        |
| Belt and Road Initiative (BRI) meningkatkan persefahaman dan kepercayaan bersama negara anggota.                               | 0                   | 4            | 25          | 57     | 49            | 4.12 | Setuju        |
| Belt and Road Initiative (BRI) menghasilkan corak aliran masuk modal.  | 0                   | 2            | 46          | 39     | 48            | 3.99 | Setuju        |
| Belt and Road Initiative (BRI) menubuhkan bakat dan pangkalan data teknologi.  | 0                   | 0            | 1           | 41     | 93            | 4.68 | Sangat Setuju |

Berdasarkan soal selidik oleh pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), seramai 97 orang daripada mereka yang sangat setuju dengan objektif pertama iaitu “Inisiatif Belt and Road (BRI) membina pasaran besar yang bersatu dan menggunakan sepenuhnya pasaran antarabangsa dan domestik”. Hal ini demikian kerana Belt dan Road Initiative (BRI) digagaskan oleh China pada 2013 adalah laluan darat untuk jalan raya dan pengangkutan kereta api yang dibina merentasi lima benua iaitu Asia, Afrika, Asia Barat, Eropah dan Amerika. Seramai 33 orang responden pula setuju dengan objektif ini diikuti dengan seramai 4 orang responden yang menjawab tidak pasti dan 1 orang yang menjawab tidak setuju. Tiada responden yang sangat tidak setuju berkaitan dengan objektif pertama ini.

Objektif yang kedua ialah “Belt and Road

Initiative (BRI) membolehkan pertukaran budaya dan integrasi”. Dalam objektif ini, kebanyakan responden iaitu seramai 55 orang responden yang menjawab “setuju”. Seramai 52 orang responden pula menjawab “sangat setuju” diikuti dengan seramai 25 orang responden yang menjawab “tidak pasti” dengan objektif ini. Responden yang selebihnya iaitu 3 orang responden telah menjawab “tidak setuju” dengan objektif ini manakala tiada responden yang memilih jawapan untuk “sangat tidak setuju”. Majoriti responden memilih “sangat setuju” dan “setuju” kerana Belt and Road Initiative (BRI) membolehkan pertukaran budaya dan integrasi dengan program pertukaran rasmi, peningkatan pekerjaan antara agensi kerajaan, pertukaran pelajar, dan sebagainya. Ini dibuktikan melalui Universiti Xiamen Malaysia (XMUM) yang merupakan “brainchild” di bawah Inisiatif Jalur dan Laluan antara Malaysia dan

China. Universiti ini membolehkan pertukaran pelajar di antara negara Malaysia dan China.

Belt and Road Initiative (BRI) meningkatkan persefahaman dan kepercayaan bersama negara anggota juga merupakan antara objektif yang dinyatakan dalam bahagian ini. Kebanyakan responden setuju dengan objektif ini iaitu seramai 57 orang responden daripada 135 orang keseluruhan responden. Hal ini demikian kerana persefahaman dan kepercayaan bersama dapat dicapai melalui BRI khususnya dalam golongan mahasiswa-mahasiswi yang mana BRI membolehkan pertukaran pelajar di antara Malaysia dan China melalui Universiti Xiamen Malaysia (XMUM) yang diwujudkan di bawah BRI. Responden yang lain iaitu seramai 49 orang responden dan 25 orang responden yang menjawab bagi “sangat setuju” dan “tidak pasti” masing-masing manakala 2 orang responden pula “tidak setuju” dengan objektif ketiga ini. Tiada responden yang menjawab “sangat tidak setuju” bagi objektif “Belt and Road Initiative (BRI) meningkatkan persefahaman dan kepercayaan bersama negara anggota”.

Seramai 48 orang responden sangat setuju dengan objektif keempat dalam soal selidik ini iaitu “Belt and Road Initiative (BRI) menghasilkan corak aliran masuk modal”. Seramai 46 orang responden pula tidak pasti dengan objektif ini diikuti dengan seramai 39 orang responden yang setuju dengan objektif keempat ini. Seramai 2 orang responden tidak setuju dengan objektif Belt and Road Initiative (BRI) menghasilkan corak aliran masuk modal. Akan tetapi tiada responden yang sangat tidak setuju dengan objektif Belt and Road Initiative (BRI) menghasilkan corak aliran masuk modal. Menurut laporan ekonomi, perdagangan Malaysia dengan negara di sepanjang Belt and Road adalah melebihi RM850 bilion pada 2016 membuktikan bahawa BRI adalah mampu menghasilkan corak aliran masuk modal.

Akhir sekali ialah objektif kelima iaitu Belt and Road Initiative (BRI) menubuhkan bakat dan pangkalan data teknologi. Ini dapat dibuktikan melalui Jabatan Sains dan Teknologi Guangxi yang telah memanfaatkan sepenuhnya kelebihan geografi bagi Guangxi, iaitu bersebelahan dengan negara-negara ASEAN, melaksanakan Pelan Tindakan Sains, Teknologi dan Inovasi “Belt and Road”, memperkukuhkan pembinaan Pusat Pemindahan Teknologi China-ASEAN (kemudian dari ini dirujuk sebagai “CATTC”), berusaha untuk membuka satu keadaan baharu dalam kerjasama di dalam inovasi saintifik dan teknologi di antara Guangxi dan ASEAN. Majoriti besar responden iaitu 93 orang iaitu sebanyak 68.89% daripada 135 responden sangat setuju dengan objektif ini. Selebihnya seramai 41 orang responden setuju dengan objektif “Belt and Road

Initiative (BRI) menubuhkan bakat dan pangkalan data teknologi”. Akan tetapi, terdapat 1 orang responden yang menjawab “tidak pasti” dan tiada responden untuk jawapan “tidak setuju” dan “sangat tidak setuju”.

#### Analisis Pengetahuan Responden Berkenaan Kepentingan Belt And Road Initiative (BRI) Terhadap Perusahaan Kecil Dan Sederhana (PKS)

Hasil dalam bahagian ini adalah untuk mengetahui tahap pengetahuan responden berkenaan dengan kepentingan Belt and Road Initiative (BRI) terhadap Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Jadual 4 merupakan hasil daripada persepsi pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia dan terdapat seramai 135 orang responden telah menjawab dalam bahagian ini.

Kepentingan pertama Belt and Road Initiative (BRI) terhadap Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang dinyatakan dalam borang soal selidik ini ialah Belt and Road Initiative (BRI) dapat mengurangkan kos Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Sebanyak 96 orang pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia yang sangat setuju dengan kepentingan ini. Hal ini demikian kerana pembinaan projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) di bawah Belt and Road Initiative (BRI) diyakini dapat membantu mengurangkan kos pengangkutan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Selebihnya sebanyak 28 orang pelajar yang setuju dan sebanyak 10 orang pelajar tidak pasti dengan kepentingan pertama yang dinyatakan ini. Namun begitu, terdapat 1 responden yang sangat tidak setuju dengan kepentingan pertama ini dan tiada responden yang menjawab tidak setuju.

Kepentingan seterusnya ialah Belt and Road Initiative (BRI) membolehkan pertukaran modal dan teknologi daripada negara maju yang dapat membantu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Dalam kepentingan yang dinyatakan ini, seramai 80 orang responden yang sangat setuju diikuti dengan seramai 46 responden yang setuju. Kepentingan ini mempunyai seramai 7 orang responden yang tidak pasti dan responden yang tidak setuju pula adalah seramai 1 orang. Responden yang sangat tidak setuju juga hanya mempunyai 1 orang responden untuk kepentingan yang dinyatakan ini. Berdasarkan sumber dari artikel dari SHINE mengatakan Inisiatif Belt and Road sedang berkembang menjadi jalan sains dan teknologi yang membantu membawa sains dan teknologi China ke dunia, memberi manfaat kepada lebih ramai orang di sepanjang jalan.

Belt and Road Initiative (BRI) dapat meningkatkan kegiatan eksport Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dalam Malaysia ke negara luar juga

JADUAL 4. Pengetahuan Responden Berkenaan Kepentingan Belt and Road Initiative (BRI) Terhadap Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)

| Soalan   | Sangat Tidak Setuju | Tidak Setuju | Tidak Pasti | Setuju | Sangat Setuju | Min  | Persepsi      |
|--|---------------------|--------------|-------------|--------|---------------|------|---------------|
| Belt and Road Initiative (BRI) dapat mengurangkan kos Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).  | 1                   | 0            | 10          | 28     | 96            | 4.61 | Sangat Setuju |
| Belt and Road Initiative (BRI) membolehkan pertukaran modal dan teknologi daripada negara maju yang dapat membantu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).   | 1                   | 1            | 7           | 46     | 80            | 4.50 | Sangat Setuju |
| Belt and Road Initiative (BRI) dapat meningkatkan kegiatan eksport Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dalam Malaysia ke negara luar.   | 1                   | 1            | 12          | 45     | 76            | 4.44 | Sangat Setuju |
| Belt and Road Initiative (BRI) membantu mengukuhkan kewangan negara yang terlibat dengan membina mata wang yang stabil, sistem kredit, sistem pelaburan dan sistem pembiayaan yang secara langsung dapat membantu operasi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) | 2                   | 2            | 46          | 38     | 47            | 3.93 | Setuju        |
| Belt and Road Initiative (BRI) menghubungkan rangkaian infrastruktur yang akan menyatukan semua sub-rantau di Asia, Eropah dan Afrika yang akan memberikan dorongan yang besar untuk memajukan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).                           | 1                   | 0            | 6           | 54     | 74            | 4.48 | Sangat Setuju |
| Belt and Road Initiative (BRI) membolehkan kerjasama Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Malaysia dengan negara yang terlibat.  | 1                   | 1            | 5           | 38     | 90            | 4.59 | Sangat Setuju |

merupakan kepentingan yang dinyatakan dalam soal selidik pengkaji. Responden yang sangat setuju adalah seramai 76 orang dan responden yang setuju pula ialah 45 orang. Terdapat seramai 12 orang responden yang

tidak pasti dengan kepentingan Belt and Road Initiative (BRI) dapat meningkatkan kegiatan eksport Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dalam Malaysia ke negara luar. Responden yang menjawab tidak setuju dan sangat



tidak setuju adalah seramai 1 orang responden masing-masing. Antara keutamaan Belt and Road Initiative (BRI) adalah untuk menjana pertumbuhan perdagangan di antara negara yang terlibat, diyakini inisiatif ini dapat mendorong peningkatan kegiatan eksport Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

Dalam enam kepentingan yang dinyatakan dalam borang soal selidik ini, kepentingan ini mempunyai bilangan responden yang agak rendah bagi responden yang memilih jawapan “sangat setuju” iaitu hanya seramai 47 orang daripada 135 orang responden yang menjawab. Kepentingan Belt and Road Initiative (BRI) membantu mengukuhkan kewangan negara yang terlibat dengan membina mata wang yang stabil, sistem kredit, sistem pelaburan dan sistem pembiayaan yang secara langsung dapat membantu operasi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) mempunyai seramai 46 orang responden yang tidak pasti lebih tinggi berbanding bilangan responden sebanyak 38 yang setuju dengan kepentingan ini. Hal ini demikian kerana mata wang yang stabil tetap bergantung kepada keadaan ekonomi antarabangsa contohnya krisis pandemik Covid-19 dan peperangan antara Ukraine dan Rusia yang mengganggu kestabilan mata wang semua negara. Bilangan responden bagi kedua-dua mereka yang tidak setuju dan sangat tidak setuju adalah sama iaitu hanya seramai 2 orang responden masing-masing.

Kepentingan “Belt and Road Initiative (BRI) menghubungkan rangkaian infrastruktur yang akan menyatukan semua sub-rantau di Asia, Eropah dan Afrika yang akan memberikan dorongan yang besar untuk memajukan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)” mempunyai seramai 74 orang responden yang menjawab sangat setuju diikuti dengan seramai 54 orang responden yang menjawab setuju. Responden yang tidak pasti dengan kepentingan ini pula adalah seramai 6 orang manakala terdapat 1 orang lagi responden memilih jawapan sangat tidak setuju. Tiada responden yang menjawab tidak setuju bagi kepentingan yang dinyatakan ini. Belt and Road Initiative (BRI) yang bertujuan untuk menghubungkan Asia, Eropah dan Afrika akan memberi manfaat yang banyak kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang mana negara luar dapat mengimport produk yang dihasilkan oleh PKS dengan harga yang berpatutan memandangkan kos PKS akan berkurangan.

Majoriti responden iaitu seramai 90 orang responden daripada seramai 135 orang yang menjawab borang soal selidik sangat setuju dengan kepentingan Belt and Road Initiative (BRI) membolehkan kerjasama Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Malaysia dengan negara yang terlibat. 38 orang responden pula setuju bahawa pernyataan ini merupakan

kepentingan Belt and Road Initiative (BRI) terhadap Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Kepentingan ini mempunyai seramai 5 orang responden yang tidak pasti dan 1 orang responden masing-masing bagi yang menjawab tidak setuju dan sangat tidak setuju. Berdasarkan laporan artikel Astro Awani menyatakan China bersedia bersama dengan Malaysia mempromosi pembangunan berkualiti Inisiatif Jalur dan Laluan (BRI) serta memacu kerjasama dua hala dalam pelbagai bidang termasuk perdagangan. Kenyataan ini memberi keyakinan bahawa dengan pelaksanaan Belt and Road Initiative (BRI), Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dapat menjalankan kerjasama dua hala dalam perdagangan bersama China untuk memajukan PKS.

## KESIMPULAN

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh pengkaji, kesimpulan demografi responden yang menjawab dalam soal selidik, majoriti responden yang menjawab merupakan mereka yang berumur 21 hingga 23 tahun (109 orang). Majoriti jantina yang menjawab dalam soal selidik ini ialah perempuan (86 orang) berbanding lelaki (64 orang). Selain itu, kebanyakan responden ialah mereka yang berbangsa Cina iaitu seramai 78 orang. Agama bagi responden yang tertinggi dalam kajian ini ialah Buddha iaitu seramai 70 orang responden. Kesemua responden iaitu pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia yang mengambil bahagian dalam soal selidik ini adalah bujang iaitu seramai 150 orang dan kebanyakan mereka iaitu 82 orang dari Fakulti Ekonomi dan Pengurusan (FEP).

Bahagian B dalam kajian soal selidik ini membincangkan berkenaan pengenalan responden berkenaan Belt and Road Initiative (BRI). Soalan pertama dalam bahagian ini ialah “adakah anda mengenali Belt and Road Initiative (BRI)?” di mana majoriti iaitu seramai 135 orang responden yang menjawab “ya” bermaksud mereka mengenali Belt and Road Initiative (BRI). Soalan kedua dalam bahagian ini pula membincangkan sumber informasi Belt and Road Initiative (BRI) yang diperolehi oleh responden. Kebanyakan responden (89 orang) memilih jawapan “lain-lain (khususnya daripada sumber internet seperti laman sesawang, blog-blog ataupun artikel)” untuk sumber informasi Belt and Road Initiative (BRI). Memandangkan soalan pertama hanya mempunyai 135 orang yang mengenali Belt and Road Initiative (BRI), bahagian-bahagian berikutnya termasuk soalan kedua dalam bahagian ini hanya dijawab oleh 135 orang responden.

Bahagian C dalam kajian ini telah

membincangkan pengetahuan responden berkenaan sejarah Belt and Road Initiative (BRI). Min responden adalah sebanyak 4.89 untuk pernyataan pertama iaitu Inisiatif Belt and Road (BRI) dilancarkan pada 2013 oleh Presiden Xi Jinping. Oleh itu, persepsi responden dalam pernyataan ini adalah “sangat setuju”. Dalam pernyataan seterusnya iaitu Inisiatif Belt and Road (BRI) turut dikenali sebagai One Belt One Road (OBOR) merupakan strategi pembangunan infrastruktur global, min responden dalam pernyataan ini adalah sebanyak 4.44 bermakna persepsi responden lebih kepada “sangat setuju” dengan pernyataan ini. Min bagi pernyataan ketiga pula adalah sebanyak 4.41 di mana persepsi responden adalah “sangat setuju” dengan pernyataan Inisiatif Belt and Road (BRI) melibatkan pelaburan dan pembangunan infrastruktur besar-besaran di 152 negara yang tersebar di Eropah, Asia, Timur Tengah, Amerika Latin, dan Afrika.

Bahagian D membincangkan pengetahuan responden berkenaan objektif Belt and Road Initiative (BRI). Min bagi objektif “Inisiatif Belt and Road (BRI) membina pasaran besar yang bersatu dan menggunakan sepenuhnya pasaran antarabangsa dan domestik” adalah sebanyak 4.67. Oleh itu, persepsi pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia terhadap objektif ini ialah “sangat setuju”. Bagi objektif “Belt and Road Initiative (BRI) membolehkan pertukaran budaya dan integrasi”, min adalah sebanyak 4.16 iaitu persepsi pelajar ialah “setuju” dengan objektif ini. Seterusnya, objektif “Belt and Road Initiative (BRI) meningkatkan persefahaman dan kepercayaan bersama negara anggota” pula mempunyai min sebanyak 4.12. Dengan ini, persepsi responden adalah lebih kepada “setuju”.

Min bagi “Belt and Road Initiative (BRI) menghasilkan corak aliran masuk modal” adalah yang paling rendah bagi kelima-lima objektif yang dinyatakan di mana min adalah sebanyak 3.99. Akan tetapi, persepsi responden masih dalam lingkungan “setuju”. Objektif “Belt and Road Initiative (BRI) menubuhkan bakat dan pangkalan data teknologi” mempunyai min sebanyak 4.68. Persepsi responden iaitu pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) terhadap objektif “Belt and Road Initiative (BRI) menubuhkan bakat dan pangkalan data teknologi” ialah “sangat setuju”.

Bahagian E merupakan bahagian yang terakhir dalam kajian soal selidik pengkaji yang membincangkan tentang pengetahuan responden berkenaan kepentingan Belt and Road Initiative (BRI) terhadap Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Kepentingan pertama yang dibincangkan dalam bahagian ini ialah Belt and Road Initiative (BRI) dapat mengurangkan kos Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang mempunyai

min sebanyak 4.61. Persepsi responden terhadap kepentingan ini adalah “sangat setuju”. Seterusnya ialah Belt and Road Initiative (BRI) membolehkan pertukaran modal dan teknologi daripada negara maju yang dapat membantu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Persepsi responden adalah “sangat setuju” di mana min kepentingan ini adalah sebanyak 4.50.

Min adalah sebanyak 4.44 bagi kepentingan “Belt and Road Initiative (BRI) dapat meningkatkan kegiatan eksport Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dalam Malaysia ke negara luar”. Persepsi responden adalah “sangat setuju” dengan kepentingan ini. Belt and Road Initiative (BRI) membantu mengukuhkan kewangan negara yang terlibat dengan membina mata wang yang stabil, sistem kredit, sistem pelaburan dan sistem pembiayaan yang secara langsung dapat membantu operasi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) merupakan kepentingan keempat yang dibincangkan dalam bahagian ini. Min adalah yang paling rendah berbanding kepentingan-kepentingan lain yang dinyatakan iaitu sebanyak 3.93 tetapi persepsi responden masih “setuju” dengan kepentingan ini.

Belt and Road Initiative (BRI) menghubungkan rangkaian infrastruktur yang akan menyatukan semua sub-rantau di Asia, Eropah dan Afrika yang akan memberikan dorongan yang besar untuk memajukan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) juga merupakan kepentingan yang dinyatakan dalam bahagian ini dan mempunyai min sebanyak 4.48 di mana persepsi responden ialah “sangat setuju”. Kepentingan terakhir yang dibincangkan dalam bahagian ini ialah Belt and Road Initiative (BRI) membolehkan kerjasama Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Malaysia dengan negara yang terlibat. Kepentingan ini mempunyai min sebanyak 4.59 dan meletakkan persepsi responden tertumpu pada “sangat setuju” dengan kepentingan yang dinyatakan ini.

#### Batasan Kajian

Walaupun kajian soal selidik yang dijalankan oleh pengkaji ini berjalan dengan lancar, tidak dinafikan kajian ini juga terdapat beberapa batasan kajian. Batasan pertama yang dikenalpasti oleh pengkaji dalam kajian ini ialah persampelan yang diambil hanya meliputi golongan minoriti di mana responden merupakan pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Borang soal selidik yang diedarkan dalam Google Forms hanya diberikan dan dijawab oleh pelajar daripada pelbagai fakulti di dalam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Oleh itu, kajian ini hanya memberi tanggapan pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan tidak mewakili seluruh rakyat Malaysia.

Batasan seterusnya ialah bilangan responden. Bilangan responden yang mengambil bahagian dalam borang soal selidik ini hanya terdiri daripada seramai 150 orang responden. Kajian ini mungkin tidak menggambarkan persepsi majoriti pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) disebabkan hanya 150 orang responden yang merupakan sampel yang digunakan dalam kajian ini. Selain itu, dalam kajian ini, hanya seramai 135 orang responden yang mengenali Belt and Road Initiative (BRI). Keadaan ini telah mengurangkan bilangan responden yang sepatutnya terdiri daripada 150 orang menjadi hanya 135 orang responden yang akan menjawab untuk bahagian-bahagian selepas bahagian B.

Bukan setakat itu, kebanyakan responden yang menjawab dalam borang soal selidik ini juga terdiri daripada pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia yang mengambil jurusan dalam Fakulti Ekonomi dan Pengurusan (FEP). Memandangkan kebanyakan responden ialah dari Fakulti Ekonomi dan Pengurusan (FEP), majoriti mereka mengenali Belt and Road Initiative (BRI). Keadaan ini menyebabkan tiada kepastian bahawa sampel yang diambil dapat menggambarkan pengetahuan dan pengenalan responden terhadap Belt and Road Initiative (BRI).

#### Cadangan Kajian

Cadangan pengkaji dalam mengatasi batasan kajian ini ialah pengkaji akan datang harus mengumpulkan persampelan daripada majoriti masyarakat sama ada terbuka kepada umum mahupun mengambil persampelan daripada universiti-universiti lain. Sumber data yang diperolehi daripada kaedah ini akan dapat membolehkan kajian menjadi lebih tepat kerana ia dapat mewakili majoriti rakyat Malaysia.

Selain itu, pengkaji juga harus menambahkan persampelan dengan menambahkan bilangan responden. Keadaan ini membolehkan pengkaji dapat melihat hasil kajian dengan lebih menyeluruh. Saiz persampelan yang besar ini akan memberikan nilai min yang lebih tepat dan menunjukkan persepsi sebenar rakyat Malaysia. Dengan ini, kajian yang dilakukan oleh pengkaji dapat mewakili majoriti rakyat Malaysia dan sampel yang lebih tepat dapat diperolehi.

Akhir sekali, pengkaji haruslah mendapatkan sampel daripada pelbagai sumber dengan mengambil sampel daripada pelbagai fakulti yang berbeza dengan menggalakkan pelajar fakulti-fakulti lain menjawab soal selidik yang diedarkan. Pengkaji boleh menjayakan batasan ini dengan meminta pertolongan daripada rakan-rakan fakulti yang lain mahupun mengedarkan sendiri borang soal selidik kepada pelajar fakulti lain

sama ada melalui bersemuka mahupun melalui alternatif seperti menyebarkan borang soal selidik dalam “group whatapps”.

#### PENGHARGAAN

Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Fakulti Ekonomi dan Pengurusan (FEP) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) kerana membiayai kajian ini di bawah Geran Inisiatif Penyelidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. (Kod Projek: EPPE3996)

#### RUJUKAN

- Abdul Rahman Embong. 2017. Beyond economic imperatives: Towards a people's ASEAN. *Southeast Asian Social Science Review*, 2(1), 8-17.
- Abdul Rahman Embong. 2017. The charms of China's New Silk Road: Connecting the dots in Southeast Asia. In J. Nederveen Pieterse, Abdul Rahman Embong & Tham Siew Yean (Eds.), *Changing constellations of Southeast Asia: From Northeast Asia to China*. London: Routledge.
- Astro Awani. 2019, September 29. *Kumpulan pertama mahasiswa Universiti Xiamen Malaysia tamat pengajian*. astroawani.com. Retrieved August 10, 2022, from <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kumpulan-pertama-mahasiswa-universiti-xiamen-malaysia-tamat-pengajian-218723>
- Astro Awani. 2021, September 29. *China minat kerjasama dengan Malaysia pertahan kesaksamaan, keadilan antarabangsa*. astroawani.com. Retrieved August 10, 2022, from <https://www.astroawani.com/berita-dunia/china-minat-kerjasama-dengan-malaysia-pertahan-kesaksamaan-keadilan-antarabangsa-322372>
- Bambang Irawan. 2016, Disember 5. Ditemu bual oleh Muhamad Azwan [Rakaman suara menerusi aplikasi Skype]. *Pendirian ASEAN terhadap Laluan Sutera Baharu Maritim China*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Billington, M. 2015, Mac 27. *The Maritime Silk Road-1405 and 2013*. China-US Focus. Retrieved October 15, 2021, from <https://www.chinausfocus.com/finance-economy/the-maritime-silkroad-1405-and-2013>.
- Bogden R.C. & Miklen S.K. 2003. *Qualitative Research for Education: An Introduction to Theory and Methods*. Boston: Allyn & Bacon.
- Chua, A.C. 2017. *One Belt One Road and Opportunities*. Retrieved October 29, 2021, from [http://www.centerforfinancialstability.org/research/Chua\\_OneBeltOneRoad\\_7\\_6\\_17.pdf](http://www.centerforfinancialstability.org/research/Chua_OneBeltOneRoad_7_6_17.pdf)
- Cohen L., Manion L. & Morrison K. 2000. *Research Methods in Education*. London: Routledge Falmer.
- DeVellis R.F. 2003. *Scale Development: Theory and Applications*. Thousand Oaks, CA: Sage.



- Du, M.M. 2016 China's "One Belt, One Road" Initiative: Context, Focus, Institutions, and Implications. *The Chinese Journal of Global Governance*, 2, 30-43. <https://doi.org/10.1163/23525207-12340014>
- Evers, H. D. 2017. Connecting oceans: Malaysia as a maritime nation. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fallon, T. 2015. The New Silk Road: Xi Jinping's grand strategy for Eurasia. *American Foreign Policy Interest*, 37, 140-147.
- Huaxia. 2016, Mac 20. China, Malaysia optimistic on fresh opportunities under Belt and Road initiatives. Xinhua. Retrieved October 29, 2021, from [http://news.xinhuanet.com/english/2016-03/20/c\\_135205527.html](http://news.xinhuanet.com/english/2016-03/20/c_135205527.html)
- Jiang Zemin, 1997. "Full Text of Jiang Zemin's Report to the 15th Party Congress,"
- Joseph Chin Yong Liow. 2000. Malaysia-China Relations in the 1990s: The Maturing of a Partnership. *Asian Survey* 40 (4): 672-691.
- KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA. 2017, October. *LAPORAN EKONOMI 2017/18*. <https://www.parlimen.gov.my/ipms/eps/2017-10-27/CMD.26.2017%20-%20LAPORAN%20EKONOMI%202017%202018.pdf>
- Kos penghantaran barang ke luar negara meningkat 10 kali ganda*. 2021, September 18. *Harian Metro*. Retrieved November 13, 2021, from <https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/08/743851/kos-penghantaran-barang-ke-luar-negara-meningkat-10-kali-ganda>
- Todd, L. and Slattery, M. 2018. Impacts of investment from China in Malaysia on the local economy. Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS): Policy Ideas, no 54
- Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. 2016, October. *Ucapan Bajet Tahun 2017*. [https://phl.hasil.gov.my/pdf/pdfam/bajet\\_2017.pdf](https://phl.hasil.gov.my/pdf/pdfam/bajet_2017.pdf)
- Media Relations and Event Management (MREM). 2021, September 27. *GUANGXI: MEMBUKA PROSPEK BAHARU UNTUK KERJASAMA DI DALAM INOVASI SAINTIFIK DAN TEKNOLOGI DENGAN ASEAN*. MREM. Retrieved August 11, 2022, from <http://bernamamrem.com/mrembm/viewsm.php?idm=15032>
- Moidunny, K. 2009. The effectiveness of the National Professional Qualifications For Educational Leaders (NPQEL) (Unpublished doctoral dissertation), Bangi: The National University of Malaysia.
- Munir Majid. 2017, Ogos 26. China – friend or foe?. *The Star*, p.13.
- Ng Keng Khoo and Lim Guanie, 2017. 'Beneath the veneer: The political economy of housing in Iskandar Malaysia, Johor', *Trends in Southeast Asia* 3(12), pp. 1-28.
- Nunnally J.C. 1978. *Psychometric Theory*. New York: Mc Graw Hill
- Pieterse, J. N. 2016. *Goodbye Miracle Eight*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Robinson J.P., Shaver P.R. & Wrightsman L.S. 1991. Criteria for scale selection and evaluation. Dlm Robinson J.P., Shaver P.R. & Wrightsman L.S. (Pnyt.) *Measures of Personality and Social Psychological Attitudes*: 1- 16. San Diego: Academic Press.
- Sekaran U. & Bougie R. 2010. *Research Methods for Business: A Skill Building Approach*. Ed. ke-5. New York: John Wiley & Sons Ltd.
- SME Corp Malaysia. (n.d.). *Definisi PKS*. SME Corp. Retrieved 15 November 2021, from <https://www.smecorp.gov.my/index.php/my/component/content/article/87-definisi-pks-sme-info/371-sme-definition>
- SME Corporation Malaysia: Profile and importance of the economy. Retrieved November 15, 2021, from <http://www.smecorp.gov.my/index.php/en/policies/2015-12-21-09-09-49/profile-and-importance-to-theeconomy>. 2017.
- Teks ucapan penuh Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob sewaktu pembentangan RMK12*. 2021, September 28. BERNAMA. Retrieved October 12, 2021, from [https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news\\_pemerksa.php?id=2007584](https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news_pemerksa.php?id=2007584)
- Teo, P.C.: *One Road One Belt Initiative: The Case of Malaysia. The Belt and Road Strategy in International Business and Administration*, pp. 176-199. 2019.
- Yixue, S., & Yixue, S. 2021, September 1. *Science and technology to play a big role on Belt and Road*. SHINE. Retrieved August 11, 2022, from <https://www.shine.cn/opinion/2109014366/>
- Zhao Hong. 2015. *China's New Maritime Silk Road: Implications and opportunities for Southeast Asia*. Singapore: ISEAS

Diana Chang & Mustazar Mansur\*  
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

\*Pengarang untuk surat menyurat; e-mel: [mustazar@ukm.edu.my](mailto:mustazar@ukm.edu.my)

Diserahkan: 14 Ogos 2022  
Diterima: 15 Ogos 2022